

NEW

SABAH TIMES

Sabah's First Established Paper

Saturday November 26, 2011 A1

<http://www.sabahtimes.com.my>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DI PUNCAK JAYA

Hasrat warga Sabah untuk menyaksikan sebuah universiti ditubuhkan di negeri ini terlaksana pada 24 November 1994. Pada langkah pertama, hanya 13 kakitangan pengurusan dibantu oleh 26 kakitangan sokongan mula merangka pelan pembangunan UMS. Memulakan operasi di Kota Kinabalu, UMS bermula dengan tiga buah sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Sekolah Sains Sosial (SSS) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE). Sebuah pusat pengajian liberal, iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) turut ditubuhkan, yang memperlihatkan keunikan UMS berbanding universiti yang ada di Malaysia pada ketika itu. Pada masa itu, UMS menumpang di tiga kawasan berbeza, iaitu di Bangunan Gaya Centre Kota Kinabalu yang menempatkan pentadbiran dan pengurusan, Kampus Teluk Likas dan Kampus Jalan Tuaran. Kemudahan yang masih belum lengkap dan kekurangan dari segi prasarana tidak merencatkan keazaman pelajar-pelajar sesi pertama yang berjumlah 207 untuk terus melakar kecemerlangan. Bermotokan semangat 'Bertekad Cemerlang', pengurusan dan tenaga akademik UMS sentiasa memperbaiki dan melakarkan kegemilangan universiti di pentas kebangsaan dan antarabangsa.

Sejak tahun 1999, operasi UMS berpindah sepenuhnya ke kampus tetap di Teluk Sepanggar yang diiktiraf sebagai kampus yang ceria dan paling cantik di Malaysia. Ia menempatkan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA), Sekolah Pengajian Seni (SPS), Sekolah Perubatan (SPU), Sekolah Pertanian dan Lestari (SPL) serta tiga buah institut, iaitu Penyelidikan Marin Borneo, Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan.

UMS juga mempunyai cawangan di Labuan sejak 1999 yang dinamakan Kampus Antarabangsa Labuan yang menempatkan dua buah sekolah, iaitu Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (SPKAL). UMS juga turut membuka kampus cawangannya di Sandakan dengan menempatkan Sekolah Pertanian Lestari dan telah beroperasi sepenuhnya bermula tahun ini.

Kewujudan UMS bukan sahaja dilihat sebagai satu lambang kecemerlangan ilmu bagi pelajar muda. Masyarakat dari ceruk daerah menjadikan UMS sebagai tempat memenuhi ijazah pertama dan kedua bagi kakitangan kerajaan dan swasta yang sebelum ini sukar untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. UMS melalui Pusat Luar Kampus (PLUMS) membuka cawangan di setiap daerah seperti Tawau, Sandakan dan Keningau bagi tujuan tersebut.

Hakikatnya, UMS yang menjadi kebanggaan rakyat Sabah secara khusus dan Malaysia secara amnya, mencetuskan fenomena baru kepada kegemilangan negeri Sabah yang sebelum ini tidak begitu dikenali. Keberadaan UMS dan kredibiliti tenaga kerja dan pelajar-pelajarnya melonjakkan nama negeri Sabah sekaligus menjadi jambatan perpaduan antara kerajaan negeri dan pusat. Kepelbagaian etnik pelajar di UMS menjadi lambang konsep 1 Malaysia. Pelajar-pelajar UMS adalah cerminan kepelbagaian etnik masyarakat Malaysia secara keseluruhan.

Konvokesyen
26 - 29 NOVEMBER 2011
UMS

Dewan
Canselor